

From: Jabatan Pendaftar
Sent: 29 Jun 2021 10:26
To: UUM - All Staff
Subject: PENGEMASKINIAN DATA ANUGERAH, PENGIKTIRAFAN DAN PERSATUAN DALAM SISTEM PORTAL



Jabatan Pendaftar
REGISTRAR'S DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

29 JUN 2021
20 ZULKAEDAH 1442H

PENGEMASKINIAN DATA ANUGERAH, PENGIKTIRAFAN DAN PERSATUAN DALAM SISTEM PORTAL

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Pendaftar dalam proses mengemaskini (cleaning) bagi data Anugerah, Pengiktirafan dan Persatuan dalam sistem Portal.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa terdapat data yang dimasukkan tidak menepati kepada kriteria yang diperlukan dan membawa kepada pertindihan data serta ketidaksahan data tersebut. Oleh itu, keputusan daripada perbincangan bersama Pendaftar dan wakil Pusat Pengajian telah bersetuju untuk pengesahan data perlu dibuat terlebih dahulu di peringkat Pusat Pengajian.

3. Dipohon jasa baik pihak YBrs.Prof./Dr./Tuan/Puan untuk mewujudkan satu Jawatankuasa yang akan membantu bagi membuat pengesahan data yang dimasukkan di peringkat Pusat Pengajian sebelum data tersebut dipaparkan dalam portal dan pihak sekretariat mohon di salurkan maklumat Pegawai yang akan bertanggungjawab untuk memverifikasi data untuk diberikan akses. Maklumat pegawai verifikasi perlulah di hantar kepada Jabatan Pendaftar selewat- lewatnya pada 8 Julai 2021.

4. Sebarang pertanyaan atau maklum balas boleh disalurkan kepada Pegawai berkenaan:

- i. Puan Shazilayanty binti Shahrom (shazilayanty@uum.edu.my) - 019-3361906
- ii. Noorman Izzat bin Marzukhi (noorman@uum.edu.my) - 0124478950

Kerjasama dan perhatian daripada pihak YBrs.Prof./Dr./Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA"
"ILMU BUDI BAKTI"



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.